

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 Jld.3 (9)

19 April 2023
28 Ramadhan 1444H

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 24/2023

PENANGGUHAN PELAKSANAAN KAMPUS TERBUKA DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA, JOHOR BAHRU

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) Bil.3/2023 pada 07 Februari 2023 telah bersetuju menangguhkan pelaksanaan Kampus Terbuka di Universiti Teknologi Malaysia Johor Bahru.

2. Penangguhan pelaksanaan ini akan melibatkan pembukaan semula jalan yang ditutup seperti berikut:

- i. Susur masuk ke Bangunan F53 dan F54 dari Jalan Universiti
- ii. Jalan Stadium ke Lingkaran Ilmu
- iii. Jalan Stadium ke Jalan Kempas 1
- iv. Jalan Kolam Air ke Jalan Kempas 1
- v. Pembukaan Pembahagi Jalan di Tasik Ilmu

3. Penangguhan ini juga akan melibatkan pos penempatan pengawal dikembalikan ke lokasi asal.

4. Sehubungan dengan itu, seluruh warga Universiti adalah diminta mengambil maklum berkaitan perkara ini. Penangguhan pelaksanaan Kampus Terbuka berkuat kuasa dari tarikh Pekeliling Pentadbiran ini dikeluarkan.

5. Pekeliling Pentadbiran ini membatalkan Pekeliling Pentadbiran Bil.44/2022 bertarikh 13 November 2022 berhubung Pelaksanaan Kampus Terbuka di Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)

Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah Kampus UTM Pagoh
 - Pegawai-Pegawai Kanan/Dekan/Pengarah